

7

**Di manakah tuntutan harta sepencarian boleh difaikkan?**

Di Mahkamah Tinggi Syariah berdasarkan permastautinan pemohon.

8

**Siapakah yang layak membuat tuntutan Harta Sepencarian bagi tanah FELDA?**

i.Isteri

Bermaksud seorang wanita yang dinikahi secara sah di sisi undang-undang dan dimaksudkan sebagai isteri yang sama-sama memasuki rancangan dan bersama-sama mengusahakan tanah rancangan.

ii.Bekas Isteri

Isteri yang perkahwinannya dengan pemegang pertama (peneroka) telah dibubarkan dan semasa perkahwinannya berkuat kuasa, bekas isteri tersebut turut sama menyumbang/mengusahakan tanah rancangan.

iii.Waris Kadim

Waris terdekat dan boleh mewarisi harta si mati mengikut hukum syarak.

9

**Apakah perkara-perkara yang perlu diambil tindakan bagi membolehkan Jabatan Guaman memberikan bantuan?**

Setiap bantuan permohonan oleh pemohon yang ingin mendapatkan khidmat Jabatan Bantuan Guaman perlu mengemukakan dokumen atau butir-butir yang berikut:

**Butir-butir perkahwinan**

- (a)Surat nikah asal/surat cerai asal/surat ruju'asal;
- (b)Sijil kelahiran anak-anak.

**Butir-butir pihak kena tuntut**

- (a)Nama/alamat/pekerjaan suami/isteri;
- (b)Nama/alamat majikan suami/isteri.

**Butir-butir tentang aset atau harta**

- (a)Jenis aset atau harta;
- (b)Status aset atau harta;
- (c)Dokumen yang berkaitan (geran tanah, kereta, syer, dll);
- (d)Perjanjian Jual-Beli/Perjanjian Pinjaman Bank;
- (e)Dokumen penilaian harta yang terkini;
- (f) Sijil kematian;
- (g)Surat mentadbir harta pusaka/probet.

10

**Apakah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) milik suami/isteri dikira sebagai harta sepencarian?**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 67 telah memutuskan wang caruman KWSP **tidak boleh** dianggap sebagai harta sepencarian. Wang caruman tersebut perlu dibahagikan mengikut hukum faraid oleh penama/pihak yang dinamakan ke atas caruman tersebut.



**CATATAN:**

RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.



# HARTA SEPENCARIAN



**" Kami sedia membantu "**



[www.jbg.gov.my](http://www.jbg.gov.my)

[jabatanbantuanguaman](https://www.facebook.com/jabatanbantuanguaman)

**1**

### Apakah yang dimaksudkan dengan harta sepencarian?

Suatu harta, sama ada harta alih atau harta tak alih yang diperoleh secara bersama semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, termasuklah harta yang diperoleh sebelum berkahwin tetapi telah dimajukan atau ditingkatkan nilainya dalam masa perkahwinan hasil usaha atau sumbangan bersama mereka.

**2**

### Apakah perkara yang diambil kira dalam menentukan harta sepencarian?

#### Sumbangan secara langsung

Bermaksud pihak-pihak dalam perkahwinan itu telah bersama-sama memberikan sumbangan (merupakan modal dan wang) mereka dalam memperoleh harta berkenaan.

#### Sumbangan secara tidak langsung

Bermaksud suatu sumbangan yang bukan berbentuk wang atau benda tetapi menghasilkan harta atau aset tertentu. Sumbangan ini, sama ada melalui idea, dorongan, nasihat, kata-kata semangat, menjaga keselesaan, menimbulkan ketenteraman dan sebagainya kepada pasangan yang berusaha secara langsung dan berjaya mendapatkan harta dan aset tersebut.

**3**

### Siapakah yang berhak menuntut harta sepencarian dan bilakah tuntutan boleh dibuat?

Tuntutan harta sepencarian boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah oleh suami atau isteri atau ahli waris:

- Semasa tuntutan poligami;
- Selepas penceraian; atau
- Selepas kematian pihak suami atau isteri (oleh ahli waris)

**4**

### Bagaimanakah penentuan kadar pembahagian harta sepencarian dilakukan?

Kadar pembahagian harta sepencarian adalah berdasarkan takat sumbangan yang diberikan oleh pihak-pihak dalam perkahwinan tersebut dan juga akan ditentukan oleh Mahkamah berdasarkan faktor-faktor yang berikut:

- i.Takat sumbangan yang dibuat oleh pihak-pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja dalam memperoleh harta tersebut;
- ii.Apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat kebaikan mereka bersama (usaha bersama sahaja); dan
- iii.Keperluan anak-anak yang belum dewasa dalam perkahwinan itu.

**5**

### Bagaimanakah perintah pembahagian harta sepencarian dibuat?

#### Melalui proses pengantaraan di JBG.

- (a)Menggugurkan hak ('bra'): Dilakukan secara persetujuan antara pihak-pihak.
- (b)Secara bayaran balik: Suami atau isteri yang ingin memiliki keseluruhan harta tersebut, hendaklah menyerahkan sejumlah wang kepada pihak satu lagi sebagai ganti wang yang telah dibayar semasa pembelian harta itu (mengikut bahagian tertentu);
- (c)Secara penjualan: Iaitu persetujuan antara suami dan isteri untuk menjual harta yang dipertikaikan dan harta tersebut dijual. Hasil jualan tersebut dibahagi mengikut kadar sumbangan pihak-pihak;
- (d)Pembahagian secara sama rata: dalam keadaan kedua-dua pihak telah sama-sama menyumbang dengan kadar yang sama dalam memperoleh harta tersebut. Persetujuan yang telah dicapai melalui proses pengantaraan di JBG

### Melalui proses perbicaraan di Mahkamah.

- (a)Perbicaraan akan melibatkan keterangan pihak-pihak berdasarkan sumbangan masing-masing dalam memperoleh harta tersebut.
- (b)Mahkamah akan membuat pertimbangan dengan mengambil kira kadar yang munasabah dan takat sumbangan pihak-pihak dalam memperoleh aset atau harta itu.

**6**

### Apakah perkara-perkara yang perlu dikemukakan semasa membuat tuntutan di Mahkamah?

Perkara yang diperlukan semasa membuat tuntutan pada amnya meliputi:

- i.Maklumat berkaitan jenis harta, sama ada harta alih atau harta tak alih;
- ii.Status harta (sama ada harta tersebut mempunyai syarat atau sekatan atau liabiliti)
- iii.Takat sumbangan dalam pemilikan harta itu;
- iv.Dokumen-dokumen pembelian atau pemilikan aset atau harta seperti tanah, rumah, kereta atau syer;
- v.Saksi-saksi yang boleh menerangkan bagaimana pemilikan aset atau harta itu, sama ada berpunca daripada harta pusaka (yang dimajukan), usaha bersama atau usaha tunggal satu pihak;
- vi.Bukti tanggungan-tanggungan salah satu pihak seperti hutang piutang atau anak-anak dalam jagaan.